



Hayati kecekalan hidup di Jogjakarta

Oleh Muhammad Reza Muhsain
m.reza@bh.com.m

✦ Jogjakarta

Kunjungan selama tiga hari ke Indonesia dengan menggalas objektif Misi Kembara Ilmiah dan Kesukarelawanan, baru-baru ini, menyuntik pandangan baharu mengenai kehidupan kepada 19 pelajar dan seorang pegawai pengiring dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pengarah program itu, Muhamad Khairil Aswadi Che Omar, berkata ketika berada di bandar ini, peserta dapat menyaksikan ketentalan semangat dalam kalangan penduduknya mengharungi kemiskinan.

"Kami belajar menghayati erti kecekalan hidup oleh masyarakat berkenaan," katanya

yang sedang mengikuti pengajian tahun ketiga di Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM.

Kerjasama penuh

Beliau berkata, misi kali ini disertai Urusetia Perlindungan Perubatan Pelajar, iaitu sebuah badan pelajar di USIM, dengan diiringi oleh Ketua Unit Kesihatan Pelajar, Dr Nik Mohd Shafikudin Md Tajuddin.

Katanya, pelaksanaan program itu turut mendapat kerjasama penuh daripada pelajar Fakultas Kedokteran, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY).

Muhamad Khairil Aswadi berkata, antara pengisian misi itu ialah menyumbangkan khidmat bakti di Panti Asuhan K-Link Darul Ikhzan, termasuk memberi kesedaran kepada penghuni di pusat asuhan terbabat mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan kebersihan dalam men-

“**DI SAMPING MENJALANKAN AKTIVITI GOTONG-ROYONG, PESERTA JUGA MENYAMPAIKAN SUMBANGAN MERANGKUMI BERAS, GULA, MINYAK, UBAT-UBATAN DAN KITAB SUCI AL-QURAN**”

Muhamad Khairil Aswadi,
Pengarah program

Peserta program beramah mesra dengan warga Panti Asuhan K-Link Darul Ikhzan.



Ubat-ubatan turut disumbangkan.

Misi Kembara Ilmiah dan Kesukarelawanan di Panti Asuhan K-Link Darul Ikhzan.

jalani kehidupan harian.

Pendidikan kesihatan

Mereka didedahkan pendidikan kesihatan seperti amalan penjagaan gigi dan jantung, cara betul membasuh tangan serta etika pemakanan sihat, selain menjalani pemeriksaan kesihatan.

Di samping menjalani aktiviti gotong-royong, peserta juga menyampaikan sumbangan merangkumi beras, gula, minyak, ubat-ubatan dan kitab suci al-Quran.

Sementara itu, Dr Nik Mohd Shafikudin berkata, program berkenaan secara tidak langsung membantu warga Panti Asuhan K-Link Darul Ikhzan yang mengalami masalah kesihatan tertentu untuk memperoleh khidmat rawatan secara percuma.

Warga Panti Asuhan K-Link Darul Ikhzan menjalani pemeriksaan kesihatan.

